# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 13 MEI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | FAMA BUKA SALURAN PENGEDARAN BARANGAN KEPERLUAN BASAH, BERNAMA -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2. | KERAJAAN JAMIN BEKALAN KEPERLUAN ASAS MENCUKUPI, SH -ONLINE | |
| 3. | BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BASAH MENCUKUPI, THE MALAYA POST -ONLINE | |
| 4. | BARANG KEPERLUAN ASAS CUKUP, MUDAH DIPEROLEH - ISMAIL SABRI, BH -ONLINE | |
| 5. | TINDAKAN TEGAS JIKA NAIKKAN HARGA BARANGI, MBNEWS -ONLINE | |
| 6. | ISMAIL SABRI: GOVT TO DISTRIBUTE 32.6 MILLION FACE MASKS TO ALL HOUSEHOLDS IN THE COUNTRY, MALAYSIA.NEW -ONLINE | |
| 7. | FRUITS FOR FRONTLINERS, NEW SARAWAK TRIBUNE -ONLINE | |
| 8. | FOOD CRISIS MAY HIT MALAYSIA, SAYS ISI, THE SUN DAILY -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

**FAMA BUKA SALURAN PENGEDARAN BARANGAN KEPERLUAN BASAH**



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Kerajaan jamin bekalan keperluan asas mencukupi



Seorang wanita memakai penutup hidung dan mulut ketika membeli barangan keperluan harian sebagai langkah pencegahan susulan penularan Covid-19 di Pasaraya Mydin Ayer Keroh baru-baru ini. - Foto fail Bernama

PUTRAJAYA - Kerajaan memberi jaminan bekalan barangan keperluan asas mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperoleh.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat pemantaun harian terhadap 25 jenis bekalan di 1,052 premis perniagaan termasuk peruncit (839), pemborong (183) dan pengilang(30).

"Tindakan akan diambil jika didapati peniaga, pengeluar, pengilang, pemborong atau peruncit yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian sepanjang bulan Ramadan kerana ianya dijamin mencukupi," katanya katanya pada sidang akhbar (Non-Health) selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan sekali lagi ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan ketika keluar membeli barangan keperluan asas mereka.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga telah membuka saluran pengedaran barangan keperluan harian basah seperti sayur, buah, ikan dan daging.

"Bermula sejak 18 Mac lalu sehingga semalam, saluran pengedaran FAMA berjaya melibatkan seramai 1,882petani, 1,700 usahawan dan 11 pasar raya.

"Usaha FAMA ini berjaya memanfaatkan 2.81 juta pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan harian mereka," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2020 | THE MALAYA POST | ONLINE | |

## Barangan keperluan harian basah mencukupi



Sejak 18 Mac lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah membuka saluran pengedaran barangan keperluan harian basah di seluruh negara.

Sehingga semalam, saluran pengedaran seperti barang basah sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan daging dengan penglibatan 1,882 petani, 1,700 usahawan dan 11 pasaraya.

Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob berkata usaha FAMA sehingga kini dapat dilihat berjaya memberi manfaat kepada 2.81 juta pengguna dalam negara.

"Secara keseluruhannya bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan.

"Justeru kerajaan menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan penjarakkan sosial dan kebersihan diri ketika keluar membeli belah barangan keperluan asas," kata Menteri Kanan Keselamatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/5/2020 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Barang keperluan asas cukup, mudah diperoleh - Ismail Sabri



PUTRAJAYA: Barang keperluan asas mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara secara berterusan, selain mudah diperoleh, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, orang ramai sekali gus diminta tidak bimbang mengenai bekalan makanan dan keperluan sepanjang tempoh Ramadan kerana ia dijamin mencukupi.

"Selain itu, kita meminta supaya tiada pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang secara mendadak.

"Tindakan akan diambil jika kita mendapati ada peniaga atau peringkat pengeluar, pengilang, pemborong atau peruncit, yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan secara mendadak," katanya pada sidang media disiarkan secara langsung, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan asas di 1,052 premis perniagaan, termasuk peruncit.

Malah, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membuka saluran pengedaran makanan keperluan harian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan daging.

"Dari 18 Mac lalu hingga semalam, saluran pengedaran FAMA berjaya membabitkan 1,882 petani, 1,700 usahawan dan 11 pasar raya. Usaha FAMA ini sudah memberi manfaat kepada lebih 2.81 juta pengguna.

"Oleh itu, orang ramai tidak perlu risau dengan bekalan makanan di negara ini kerana ia mencukupi.

"Kerajaan sekali lagi ingin menasihatkan agar sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri ketika keluar untuk membeli barangan keperluan asas berkenaan," katanya.

# Tindakan tegas jika naikkan harga barang!

By **Editor** - May 11, 2020

Oleh **SITI AZIELAH WAHI**



CYBERJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan kepada mana-mana peniaga menaikkan harga barangan makanan secara mendadak.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperoleh.

"Tindakan akan diambil jika didapati mana-mana peniaga sama ada di peringkat pengeluar, pengilang, pemborong atau peruncit yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan secara mendadak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri-Menteri Mengenai PKP hari ini.

Beliau juga memaklumkan penguat kuasa KPDNHEP semalam telah membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan di 1,052 premis perniagaan termasuk 839 peruncit, 183 pemborong dan 30 pengilang.

"Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperoleh," katanya.

Sehubungan itu Ismail Sabri menasihatkan orang ramai agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian sepanjang bulan Ramadan kerana ianya dijamin mencukupi.

Selain itu Ismail Sabri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga telah membuka saluran pengedaran barangan keperluan harian basah seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan daging.

"Dari 18 Mac sehingga semalam, saluran pengedaran FAMA berjaya melibatkan seramai 1,882 petani, 1,700 usahawan dan 11 pasar raya yang memanfaatkan 2.81 juta pengguna," katanya.

Pada masa sama beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri ketika keluar membeli barangan keperluan asas.- MBNews

**Editor**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2020 | MALAYSIA.NEW | ONLINE | |

# Ismail Sabri: Govt to distribute 32.6 million face masks to all households in the country



A lady is seen adjusting her masks along Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri said the face masks will be distributed to a total of 8.16 million households in the country. — Picture by Choo Choy May

GEORGE TOWN, May 11 — Putrajaya has prepared 32.6 million face masks to be distributed to all Malaysians, said Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri.

He said the face masks will be distributed to a total of 8.16 million households in the country.

"The face masks have already been given out in full to the state and district disaster management committees through 162 district offices will be distributed to the households," he said in his daily press conference today.

The minister also reassured Malaysians that there are sufficient basic necessities to meet the needs of everyone in the country throughout Ramadan.

He said the enforcement team from the domestic trade and consumer affairs ministry has conducted checks on 25 types of supplies in 1,052 premises including 839 retailers, 183 wholesalers and 30 manufacturers.

"Action will be taken against any business, whether at the production, manufacturing, wholesale or retail level, tries to take the opportunity to increase the prices of basic needs," he said.

He said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MOA), through the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), has started distribution of daily basic necessities such as fruits, vegetables, fish and meat.

"From March 18 until last night, FAMA's distribution channel involved 1,882 farmers, 1,700 entrepreneurs and 11 supermarkets," he said.

He said FAMA's efforts are expected to benefit 2.81 million consumers.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/5/2020 | NEW SARAWAK TRUBUNE | ONLINE | |

## Fruits for frontliners



Fama representatives presenting the donations to SGH's frontline workers at the hospital, yesterday.

KUCHING: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) of Sarawak is doing its part to help in the battle against Covid-19 in the state.

As such, Fama Sarawak yesterday delivered local fruits to frontliners on duty as part of its corporate social responsibility (CSR) programme.

The donation was presented to frontline workers of Sarawak General Hospital (SGH), Ministry of Youth and Sports Covid-19 screening centre, and Sarawak Contingent Police headquarters.

It was made known that the donations were presented by Fama Sarawak deputy state director Abdul Jaafar Lian.

The local fruits were also given as part of Fama's campaign to increase local fruit and vegetable consumptions to strengthen the immune system.



Fama handing over the donation of fresh fruits to frontline workers of Sarawak Contingent Police Headquarters.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2020 | THE SUN DAILY | ONLINE | |

## Food crisis may hit Malaysia, says ISI



**PETALING JAYA:** Malaysia's food import bill is a whopping RM50 billion every year. For a country that has vast arable land, it is a wasted opportunity that it not to be used for food production.

The Covid-19 pandemic poses greater problems as the lockdown imposed by several countries has greatly affected the global supply chain.

India, from which we buy a lot of onions from, is in lockdown and this has affected the supply of one of Malaysia's most important commodities. Wheat import from Australia is also affected due to the lockdown.

But what is most alarming is the Mekong river problem affecting countries such as Vietnam and Thailand, two of our most important food exporters.

The proliferation of dams along the Mekong river, coupled with climate change, has drastically increased the pollution of salt water into the Mekong, destroying aquaculture and agriculture production, especially rice in these countries.

As a result, these countries could not serve export capacity and are forced to look inwards to feed the local population. For this reason, Vietnam has cancelled its export contracts.

The implication for Malaysia is serious. For a country who depends largely on commodity imports, this is a dire situation.

"In these difficult times, we need to turn back to our local producers to give them the support that they need to increase production. Multinational food companies will not weather our storm, but our local producers can," International Strategy Institute (ISI) Chairman Cheah Chyuan Yong said today.

"For this reason, ISI has launched the mymakanan.my food project. Mymakanan.my is the 'yellow pages' for all local basic food producers in the country to help them sell their produce to people all over the country.

"It includes basic food such as meat, poultry, seafood, vegetables, cooking ingredients and dried items. Local producers can also list the produce themselves on mymakanan.my. Malaysians can search for all kinds of basic food in various towns and regions of the country. They can contact these producers and deal with them directly."

During the pandemic, these producers, who used to sell to big supermarkets, find it difficult to sell their products, and end up throwing the food away, such as the Cameron Highland farmers.

By informing Malaysians about local sources of food, mymakanan.my are giving local producers a critical bloodline to survive and continue producing more. This helps incentivise local food production and hopefully help our country survive this looming food crisis.

To check out the basic food items available in Malaysia, go to www.mymakanan.my.